

# 'Kerenah birokrasi perlu dikurangkan'

Bh  
8/6/02  
Thamuz

**K**UALA LUMPUR: Pindaan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 tidak menjamin pemaju dan perunding projek pembangunan akan mematuhi laporan penilaian kesan alam sekitar (EIA) jika tiada tindakan susulan proaktif menguatkuasa undang-undang terbabit.

Presiden Persatuan Perumahan dan Pemaju Hartanah (REHDA), Datuk Jeffery Ng Tiong Lip, berkata pihaknya menyambut baik tindakan memperketatkan undang-undang sedia ada tetapi pada masa yang sama, mahu kerenah birokrasi dikurangkan.

"Bagaimanapun, kami kurang bersetuju dengan cadangan mewajibkan semua pembangunan mempunyai laporan EIA kerana ada kawasan yang tidak memerlukan dan ia mungkin membabitkan kos tambahan.

"Syarat sekarang yang mewajibkan hanya pembangunan dengan keluasan lebih 50 hektar saja mempunyai laporan EIA harus dikekalkan. Setiap tapak pembangunan juga harus dinilai secara individu bagi menentukan sama ada perlu EIA atau tidak.

"Ketegasan penguatkuasaan undang-undang dan kekerapan pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta pihak berkuasa tempatan (PBT) turun padang lebih berkesan bagi mengawal selia pembangunan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.